

SOALAN LAZIM
KEMPEN CABUTAN HADIAH BULAN MESRA PELANGGAN (BMP) PTPTN 2025

1. Soalan:

Apakah Kempen **Cabutan Hadiah BMP PTPTN 2025**?

Jawapan:

Kempen **Cabutan Hadiah BMP PTPTN 2025** merupakan program di bawah **Bulan Mesra Pelanggan PTPTN 2025** yang bertujuan untuk membantu peminjam menguruskan dan merancang kewangan serta menggalakkan peminjam membuat bayaran balik pinjaman PTPTN di samping menyokong sepenuhnya Kempen Lestari Pendidikan.

2. Soalan:

Bilakah tempoh kempen **Cabutan Hadiah BMP PTPTN 2025** ini bermula?

Jawapan:

Tempoh kempen ini bermula pada **01 November 2025 sehingga 15 Disember 2025**.

3. Soalan:

Apakah terma dan syarat untuk menyertai Kempen ini?

Jawapan:

Terma dan syarat untuk menyertai kempen ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada semua peminjam PTPTN.
- ii. Kempen ini TIDAK LAYAK disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak)
- iii. Peminjam perlu membuat bayaran balik pinjaman dalam tempoh kempen.
- iv. Kelayakan cabutan adalah berdasarkan kepada amaun bayaran balik pinjaman PTPTN seperti berikut:

SALURAN BAYARAN	BAYARAN MINIMUM	CABUTAN
myPTPTN	RM500.00	2 Cabutan
Selain myPTPTN	RM500.00	1 Cabutan

- iv. Peminjam akan mendapat tambahan bilangan cabutan untuk setiap gandaan transaksi bayaran balik yang bernilai RM500.00 dalam tempoh kempen.
- v. Cabutan pemenang yang layak akan dibuat mengikut negeri berdasarkan alamat surat menyurat peminjam yang berdaftar di PTPTN.

4. Soalan:

Jika peminjam meninggal dunia dalam tempoh kempen, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

Jawapan:

Sekiranya berlaku kematian peminjam dalam tempoh kempen, akaun tersebut masih **LAYAK** untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat kempen.

5. Soalan:

Sepanjang tempoh kempen, peminjam **telah membuat bayaran balik pinjaman sebanyak RM500 melalui Saluran selain myPTPTN**. Berapakah kelayakan bilangan cabutan yang diperolehi oleh peminjam tersebut di dalam kempen ini?

Jawapan:

Kelayakan bilangan cabutan yang diperolehi oleh peminjam di dalam tempoh kempen adalah sebanyak **satu (1) kali cabutan**. Pengiraan ini diambil kira dengan membuat bayaran balik **minimum RM500** dan jumlah bayaran yang terkumpul di dalam tempoh kempen.

6. Soalan:

Sepanjang tempoh kempen, peminjam **telah membuat bayaran balik pinjaman sebanyak RM500 melalui Saluran myPTPTN**. Berapakah kelayakan bilangan cabutan yang diperolehi oleh peminjam tersebut di dalam kempen ini?

Jawapan:

Kelayakan bilangan cabutan yang diperolehi oleh peminjam di dalam tempoh kempen adalah sebanyak **dua (2) kali cabutan**. Pengiraan ini diambil kira dengan membuat bayaran **balik minimum RM500 dan jumlah bayaran yang terkumpul di dalam tempoh kempen**.

7. Soalan:

Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan penyertaan **Cabutan Hadiah BMP PTPTN 2025** ini?

Jawapan:

Tidak perlu kerana kelayakan **Cabutan Hadiah BMP PTPTN 2025** ini adalah secara automatik bagi peminjam yang layak.

8. Soalan:

Apakah hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini?

Jawapan:

Kempen **Cabutan Hadiah BMP PTPTN 2025** menawarkan hadiah seperti berikut:

PEMENANG	HADIAH (RM)	BILANGAN PEMENANG
PEMENANG UTAMA	2,000.00	1 x 14 Negeri
KEDUA	1,000.00	1 x 14 Negeri
KETIGA	500.00	3 x 14 Negeri
SAGUHATI	100.00	5 x 14 Negeri

9. Soalan:

Bagaimanakah makluman kepada pemenang kempen **Cabutan Hadiah BMP PTPTN 2025** akan dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ e-mel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.

10. Soalan:

Bilakah hadiah tunai berbentuk bayaran balik pinjaman PTPTN akan dikreditkan kepada akaun pinjaman pemenang?

Jawapan:

Hadiah tunai berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Pinjaman pemenang sebagai bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN dalam tempoh **DUA (2) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang. Jika jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, sebarang lebihan daripada hadiah tersebut, akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara *pre-opening*. Pemenang boleh menyemak penyata pinjaman/ simpanan di aplikasi MyPTPTN atau menghubungi talian Careline 03- 2193 3000 untuk info lanjut.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma & syarat- syarat penuh kempen **Cabutan Hadiah BMP PTPTN 2025**

Maklumat dikemas kini pada 31 Oktober 2025